

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA PADA SUKU TAHUN KEDUA 2025 DAN TAHUNAN 2024 MENGIKUT NEGERI

**Pelancongan domestik melonjak 7.8 peratus pada suku tahun kedua
2025 dengan merekodkan 73.8 juta pelawat domestik**

PUTRAJAYA, 18 SEPTEMBER, 2025 – Malaysia merekodkan 73.8 juta pelawat domestik pada suku kedua 2025, meningkat 7.8 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Secara suku tahunan, bilangan pelawat domestik meningkat sebanyak 5.8 peratus berbanding suku pertama 2025. Jumlah pelancong domestik pada suku kedua 2025 juga meningkat 4.2 peratus berbanding suku pertama 2024, mencatatkan seramai 27.4 juta pelancong. Seajar dengan itu, perbelanjaan pelancongan domestik berjumlah RM29.2 bilion pada suku kedua 2025, mencerminkan pertumbuhan sederhana sebanyak 3.8 peratus tahun ke tahun. Walau bagaimanapun, ia merekodkan sedikit penurunan sebanyak 0.6 peratus secara suku tahunan. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam **SURVEI PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA (DTS) PADA SUKU TAHUN KEDUA 2025 DAN TAHUNAN 2024 MENGIKUT NEGERI**.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Dari segi prestasi pelancongan domestik mengikut negeri pada tahun 2024, Selangor merekodkan bilangan pelawat domestik tertinggi iaitu 34.5 juta, diikuti oleh

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (27.0 juta) dan Perak (21.8 juta). Perak turut mencatatkan ketibaan pelancong tertinggi, meningkat sebanyak 36.1 peratus kepada 10.2 juta pelawat berbanding 7.5 juta pada tahun sebelumnya.”

Selari dengan pertumbuhan positif bagi ketibaan pelawat domestik, semua negeri turut mencatatkan peningkatan dalam terimaan pelancongan. Selangor merekodkan terimaan pelancongan domestik tertinggi pada tahun 2024 iaitu sebanyak RM14.2 bilion dengan peningkatan 28.1 peratus berbanding RM11.1 bilion pada tahun 2023. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berada di kedudukan kedua dengan RM14.1 bilion, berbanding RM11.0 bilion pada tahun sebelumnya. Pahang dan Sabah turut mencatatkan pertumbuhan kukuh, masing-masing meningkat kepada RM8.7 bilion (2023: RM6.7 bilion) dan RM8.6 bilion (2023: RM6.7 bilion).

Membeli-belah kekal sebagai penyumbang utama kepada terimaan pelancongan, dengan terimaan sebanyak RM39.9 bilion. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendahului dengan RM6.8 bilion, diikuti Selangor (RM6.1 bilion) dan Sarawak (RM3.2 bilion). Sementara itu, perbelanjaan makanan & minuman merupakan penyumbang kedua tertinggi mencatatkan RM17.3 bilion. Selangor merekodkan terimaan tertinggi iaitu RM2.2 bilion, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM2.1 bilion) dan Perak (RM1.5 bilion).

Pada tahun 2024, melawat saudara & rakan-rakan merupakan tujuan utama perjalanan bermalam pelancongan domestik bagi semua negeri kecuali Melaka, di mana percutian/riadah/ rehat merupakan tujuan utama perjalanan. Sementara itu, purata bilangan hari menginap (ALOS) nasional adalah 2.49 malam, menunjukkan peningkatan berbanding 2.45 malam pada 2023. Beberapa negeri merekodkan ALOS melebihi peringkat nasional termasuk Johor (2.57 malam), Kedah (2.77 malam), Kelantan (2.98 malam), Pulau Pinang (2.53 malam), Terengganu (2.50 malam), Sabah (3.01 malam), Sarawak (3.09 malam) dan Wilayah Persekutuan Labuan (2.84 malam).

Berdasarkan profil sosial & demografi, 11 negeri iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Sarawak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya menerima majoriti pelawat domestik daripada isi rumah yang berpendapatan di antara RM5,001 dan RM10,000 sebulan manakala Sabah menerima majoriti pelawat domestik daripada isi rumah yang berpendapatan di antara RM3,001 dan RM5,000 sebulan. Sementara itu, empat negeri iaitu Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis merekodkan peratusan tertinggi pelawat domestik daripada isi rumah berpendapatan RM1,001 hingga RM3,000 sebulan.

Bagi semua negeri, penyumbang utama kepada pelancongan domestik adalah pelawat domestik daripada kumpulan umur 25 hingga 39 tahun. Dari segi jantina pula, pelawat domestik lelaki dan perempuan juga adalah tertinggi daripada kumpulan umur yang sama bagi setiap negeri, kecuali Selangor dan Wilayah Persekutuan Labuan, di mana pelawat lelaki lebih tertumpu dalam kumpulan umur 40 hingga 54 tahun.

Sektor pelancongan domestik Malaysia menunjukkan pertumbuhan yang stabil pada suku tahun kedua 2025, dengan peningkatan dari segi bilangan pelawat dan perbelanjaan pelancongan. Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Perak merupakan penyumbang utama kepada aktiviti pelancongan domestik, mendahului dari segi ketibaan pelawat dan terimaan pelancongan bagi tahun 2024. Peningkatan terimaan pelancongan di semua negeri mencerminkan permintaan berterusan terhadap barangan dan perkhidmatan berkaitan pelancongan, khususnya dalam aktiviti membeli-belah dan makanan & minuman.

Profil demografi menunjukkan bahawa pelancongan domestik disokong terutamanya oleh pelawat daripada isi rumah berpendapatan kelas pertengahan serta yang berumur antara 25 hingga 39 tahun, mencerminkan kepentingan kumpulan ekonomi aktif ini. Kepelbagaian dalam corak perjalanan dan tempoh menginap antara negeri pula memberi petunjuk kepada peluang pembangunan pelancongan yang lebih bersasar. Secara keseluruhannya, data menunjukkan pasaran pelancongan domestik yang mampan dan

berkembang, sekaligus memainkan peranan penting dalam menyokong ekonomi domestik serta memperkukuh kepelbagaian ekonomi negara.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Bilangan Pelawat Domestik mengikut Suku Tahun, 2021 – 2025




Carta 2: Jumlah Perbelanjaan Pelancongan Domestik mengikut Suku Tahun, 2021 - 2025



Carta 3: Bilangan Pelawat Domestik mengikut Mengikut Negeri, 2023 - 2024



Carta 4: Terimaan Pelancongan Domestik Mengikut Negeri, 2023 - 2024



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
18 SEPTEMBER 2025